BIL: SN273 26 RAMADHAN 1432H / 26 OGOS 2011



ADAKAH KITA MEMERLUKAN AKTA MURTAD?

Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor nampaknya terus menjadi 'punching bag' kerajaan UMNO-BN berkenaan isu pemeriksaan JAIS ke atas gereja Methodist Damansara Utama sejak ia mula meletus pada 3 Ogos lepas. Serangan demi serangan yang dilakukan oleh UMNO-BN menggambarkan bahawa parti pemerintah itu nampaknya lebih berminat untuk menuduh daripada menyelesaikan masalah. Inilah masalahnya dengan sistem federasi apabila hal-ehwal agama diletakkan di bawah bidangkuasa kerajaan negeri dan kerajaan Pusat meletakkan seratus peratus beban atau kesalahan kepada kerajaan negeri seolah-olah dosa tidak menerapkan Islam hanya ditanggung oleh kerajaan negeri! Hakikatnya, sistem pemerintahan Islam bukanlah sistem federasi sebagaimana yang diamalkan di Malaysia pada hari ini. Sistem federasi ini bukan dari ajaran Rasulullah SAW, tetapi ia adalah dari ajaran Lord Reid! Dan ternyata, sistem kufur ini yang juga diakui dan diamalkan oleh pembangkang, sering memakan diri mereka sendiri dalam banyak hal. Sistem pemerintahan Islam (Khilafah) adalah sistem kesatuan (union) di mana kesemua wilayah atau kawasan yang dikuasai oleh Khilafah mengamalkan dan melaksanakan hukum Islam yang sama. Ini kerana hukum Allah ke atas manusia adalah sama sahaja tanpa mengira tempat. Wilayah Islam merupakan wilayah yang satu yang wajib berhukum dengan hukum yang sama walau betapa jauh sekalipun kedudukan gerografinya. Justeru, tidak timbul soal hal-ehwal Islam diletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri tertentu sebagaimana sistem federasi, yang menyebabkan kerajaan Pusat boleh lepas tangan dari sebarang masalah, bahkan mempersalahkan kerajaan negeri dalam hal-hal tertentu, termasuklah dalam hal kegagalan kerajaan negeri menjaga akidah umat Islam! Walhal di dalam Islam, antara tugas pemerintah adalah menjaga akidah umat Islam dengan menerapkan undang-undang Islam di dalam negara secara keseluruhan.

Sebagai respons kepada isu yang hangat ini, Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria berkata, banyak usaha dilakukan pihak tertentu untuk mempengaruhi dan memurtadkan umat Islam di negara ini, namun tiada tindakan diambil pihak berkuasa agama Islam termasuk pimpinan tertinggi bagi menyekat aktiviti berkenaan [BH 07/0811]. Dewan Pemuda PAS Negeri Perak pula merakamkan sokongan terhadap cadangan Harussani agar menyegerakan Akta Murtad. "Kami yakin usaha untuk memelihara akidah umat Islam perlu kepada penegasan agar tindakan untuk memesongkan umat Islam terjebak kepada gejala murtad dapat diatasi," ujar setiausahanya, Salman Saleh dalam surat yang diemelkan kepada Harussani [harakahdaily.net]. Menurutnya, Pemuda PAS negeri berharap cadangan tersebut dapat dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Perak dan mereka juga mencadangkan agar semua parti politik menyatakan sokongan secara terbuka demi memelihara akidah umat Islam. Dalam perkembangan yang berkaitan, Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Dr. Mohd. Puad Zarkashi mencadangkan agar Akta Jenayah Akidah diwujudkan bagi memastikan tiada usaha memurtadkan umat Islam berlaku di negara ini. Beliau berkata, akta itu amat perlu kerana masalah umat Islam murtad semakin berleluasa, malah usaha memesongkan akidah umat Islam itu seolah-olah bukan lagi menjadi suatu rahsia. "Sebab itu, saya dari dulu lagi mencadangkan supaya diwujudkan atau kalau boleh supaya Akta Jenayah Akidah ini dibawa ke Parlimen untuk memastikan tidak ada usaha memurtadkan umat Islam di negara kita", katanya [UM 09/08/11].

Murtad dan Hukumannya

Murtad adalah keluar dari agama Islam. Baik lelaki mahupun perempuan, apabila keluar dari agama Islam sementara mereka telah baligh dan berakal, maka mereka diajak kembali kepada Islam hingga tiga kali disertai peringatan. Jika mereka kembali, maka akan diterima, namun jika mereka menolak, maka akan dibunuh. Allah SWT berfirman, "Barangsiapa yang murtad di antara kamu dari agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah orang yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya" [TMQ AI-Baqarah, 2:217].

Bukhari telah meriwayatkan dari Ikrimah yang berkata, "Dihadapkan kepada Amirul Mukminin Ali karamAllahu wajhah orang-orang zindiq, lalu beliau membakar mereka. Maka berita itu disampaikan kepada Ibnu Abbas dan beliau berkata 'Seandainya aku (yang menghukum), maka tidaklah aku akan membakarnya kerana adanya larangan dari Rasulullah SAW di mana baginda bersabda 'Jangan kalian mengazab dengan azab Allah'. Akan tetapi aku (Ibnu Abbas) pasti akan membunuhnya kerana sabda Nabi SAW 'Barangsiapa yang menukar agamanya (murtad), hendaklah kamu bunuh akan dia". Membunuh lelaki yang murtad adalah didasarkan kepada zahir hadis tersebut. Sedangkan membunuh wanita yang murtad didasarkan kepada keumuman hadis, kerana Rasulullah SAW bersabda, "man baddala deenahu" (barangsiapa menukar agamanya) sedangkan lafaz "man" termasuk lafaz umum. Juga diriwayatkan oleh Darugutni dan Baihagi dari Jabir, "Bahawa Ummu Marwan telah murtad. Rasulullah SAW memerintahkan untuk menasihatinya agar ia kembali kepada Islam. Jika ia bertaubat (maka dibiarkan) jika tidak, maka ia dibunuh". Adapun bagi kanak-kanak atau orang gila yang murtad, maka tidak sah hukuman bunuh ke atasnya. Ini kerana keduanya bukanlah mukallaf dan mereka tidak dikenakan had murtad. Rasulullah SAW bersabda, "Diangkat pena dari tiga orang (iaitu) anak kecil hingga baligh, orang yang tidur sampai bangun dan orang yang gila sampai sembuh".

Pembahasan orang yang murtad dianjurkan untuk bertaubat dalam tempoh tiga hari adalah berdasarkan hadis dari Marwan, bahawa Rasulullah SAW memerintahkan agar menasihati orang yang murtad. Demikian pula yang dilakukan oleh Umar. Dari Muhammad bin Abdullah bin Abd al-Qariy berkata, "Seorang lelaki dari sisi Abu Musa mengadap

kepada Umar al-Khattab. Umar bertanya kepada lelaki itu, 'Apakah ada khabar dari (daerah yang) jauh?' Lelaki itu menjawab, 'Ada, yakni seorang lelaki telah kafir setelah beragama Islam'. Umar berkata, 'Apa yang engkau lakukan?' Dia ku dekati lalu aku membunuhnya.' Umar berkata, 'Mengapa engkau tidak penjarakan di rumahnya sahaja selama tiga hari, kemudian engkau beri makan roti setiap harinya dan engkau anjurkan agar bertaubat, barangkali ia (akan) bertaubat dan kembali kepada agama Allah?' 'Ya Allah sungguh aku tidak setuju tindakan ini dan aku tidak redha kerana ia menyampaikannya kepadaku."

Selain Umar, sahabat lain yang melakukan hal ini adalah Abu Bakar. Daruqutniy dan Baihaqiy mengeluarkan hadis, "Bahawa Abu Bakar menganjurkan wanita yang murtad untuk bertaubat. Wanita itu bernama Ummu Qurfah, di mana dia kafir setelah masuk Islam. Wanita itu tidak mahu bertaubat dan beliau (Abu Bakar) membunuh wanita itu." Anjuran taubat selama tiga hari, bukanlah qayyid (batasan). Tiga hari adalah batas minima yang umumnya memungkinkan terjadinya insaf. Jika dalam tempoh tersebut orang yang murtad itu masih juga tidak mahu bertaubat, maka tempoh ini boleh dilanjutkan (oleh Qadhi). Ini adalah kerana maksud dari anjuran bertaubat adalah menyedarkan si murtad tentang Islam dan supaya dia kembali kepada Islam dan dia harus diberikan masa yang mencukupi untuk bertaubat. Diriwayatkan bahawa Abu Musa memberi kesempatan bertaubat seorang yang murtad di mana kemudian Mu'az memerintahkan untuk membunuhnya. Kemudian Abu Musa membunuhnya, setelah memberi kesempatan taubat selama dua bulan sebelum kedatangan Mu'az.

Walaubagaimanapun, taubat hanya diterima jika dia tidak mengulangi kemurtadannya. Jika ternyata dia mengulanginya, maka taubatnya tidak diterima dan dia mesti dibunuh segera tanpa diberi tempoh lagi (tidak dikira lagi samada dia bertaubat atau tidak). Ini berdasarkan firman Allah SWT, "Sesungguhnya orang-orang yang beriman kemudian kafir, kemudian beriman (pula) kemudian kafir (lagi), kemudian bertambah kekafirannya, maka Allah sekali-kali tidak akan memberi keampunan kepada mereka dan tidak (pula) menunjuki mereka ke jalan yang

HIZBUT TAHRIR MALAYSIA (HTM)

mengucapkan

SELAMAT HARI RAYA IDUL FITRI 1432H

lurus" [TMQ an-Nisa' (4):137]. Firman Allah "maka Allah sekali-kali tidak akan memberi keampunan kepada mereka" membawa maksud Allah tidak menerima taubat mereka. Oleh kerana itu, negara (pemerintah/qadhi) tidak boleh menerima taubat mereka.

Diriwayatkan oleh Asyram dari Thibyana bin Umarah, "Bahawa seorang lelaki dari Bani Saad melintas ke masjid Bani Hunaifah sedangkan mereka sedang mengagungkan Musailamah al-Kadzab (nabi palsu). Kemudian lelaki itu mendatangi Ibnu Mas'ud dan menceritakan kejadian tersebut. Mereka kemudian didatangi dan disuruh bertaubat, lalu mereka bertaubat. Semuanya telah meninggalkan jalan keyakinan mereka kecuali seorang lelaki di mana Ibnu Nuwahah berkata kepadanya, 'Sungguh aku melihat engkau satu kali dan aku menduga bahawa engkau telah bertaubat dan melihatmu mengulangi lagi perbuatanmu itu. Maka lelaki tersebut terus dibunuh."

Seperkara yang perlu diperhatikan ialah dari segi pelaksanaan hukuman bunuh ke atas mereka yang murtad di mana ia hendaklah dilakukan oleh negara (pemerintah) atau orang yang ditugaskan oleh negara iaitu Qadhi. Di dalam menghadapi orang yang murtad, tugas individu atau jemaah hanyalah sebatas mengajak mereka untuk kembali ke pangkuan Islam. Sekiranya mereka berdegil, maka urusan mereka hendaklah dikembalikan kepada pemerintah (untuk dihukumi). Mana-mana individu atau jemaah tidak boleh membunuh orang yang murtad kerana taklif (pembebanan) hukum ini terletak di bahu pemerintah. Dalam keadaan di mana pemerintah tidak menjalankan hukum Allah ke atas orang yang murtad ini, maka tugas individu atau jemaah adalah memberi peringatan, ancaman dan terus memuhasabah pemerintah yang tidak menerapkan hukum Islam ini. Malah dalam masa yang sama, wajib ke atas mana-mana individu dan jemaah berusaha menegakkan Negara Islam dan melantik seorang Khalifah yang akan menerapkan hukum Allah bagi menggantikan pemerintah yang menerapkan hukum kufur sekarang. Haram bagi setiap individu Muslim berdiam diri menyaksikan penerapan hukum kufur ini tanpa berusaha menggantikannya!

Bilakah Seseorang Dianggap Murtad?

Menurut Syeikh Abdurrahman al-Maliki di dalam kitabnya, *Nidzamul Uqubat Fi al-Islam*, seorang Islam itu akan jatuh kafir (murtad) disebabkan oleh empat hal berikut, (i) dengan *i'tiqad* (keyakinan), (ii) *syak* (ragu-ragu), (iii) *qaul* (perkataan), (iv) *fi'l* (perbuatan).

Mengenai *i'tiqad*, ini boleh dilihat pada dua sisi - (a) meyakini dengan pasti sesuatu yang berlawanan dengan apa yang diperintahkan atau yang dilarang oleh agama. Contohnya meyakini bahawa Allah memiliki sekutu atau meyakini bahawa Al-Quran bukanlah *Kalamullah* (b) mengingkari sesuatu yang sudah maklum dalam masalah agama seperti mengingkari jihad, mengingkari keharaman *khamar*, mengingkari hukum potong tangan dan lain-lain. Manakala yang dimaksudkan dengan *syak* (ragu-ragu) adalah keraguan dalam berakidah dan keraguan dalam semua perkara yang dalilnya *qath'i* (tegas). Contohnya, ragu-ragu bahawa Allah itu Satu, ragu-ragu bahawa Muhammad SAW adalah Rasulullah atau ragu-ragu tentang hukum 100 kali sebat bagi penzina *ghairu muhsan* (belum kahwin) dan seumpamanya, kesemua keraguan ini akan menyebabkan pelakunya menjadi kafir (murtad).

Maksud *qaul* (perkataan) adalah perkataan yang jelas yang tidak perlu penafsiran lagi. Contohnya, seseorang yang mengatakan bahawa Al-Masih (Isa) anak Allah, agama Islam adalah buatan Muhammad dan seumpamanya, maka ia jelas-jelas telah kafir. Sedangkan perkataan yang masih belum jelas atau masih perlu dita'wilkan, maka ini tidak memurtadkan pengucapnya. Adapun mengenai fi'l (perbuatan), maka yang dimaksudkan dengannya adalah perbuatan yang jelas (pasti) tanpa perlu di*ta'wil* lagi bahawa perbuatan tersebut termasuk kekufuran. Contohnya, menyembah berhala, melakukan ibadat di gereja dengan tata cara ala gereja, maka ia telah kafir dan murtad dari Islam. Ini adalah kerana beribadat dengan cara orang Kristian adalah satu kekufuran. Maka barangsiapa yang mengerjakannya ia telah melakukan perbuatan kufur tanpa perlu dita'wil lagi. Sedangkan perbuatan yang belum jelas, tidaklah mengkafirkan pelakunya. Siapapun yang masuk ke gereja tidak secara automatik akan menyebabkannya kafir. Ini kerana, ia mungkin masuk untuk melawat atau untuk mengerjakan solat. Juga, sesiapa sahaja yang membaca Injil tidak automatik akan menjadikannya kafir kerana mungkin sahaja ia membaca Injil untuk mempelajarinya bagi

membantah kitab Injil tersebut atau boleh jadi ia membacanya sekadar sebagai bahan bacaan. Oleh kerana itu, setiap perbuatan yang masih mengandungi *ta'wil* tidak memurtadkan pelakunya.

Riddah (murtad) adalah termasuk dari hudud dan jumlah saksinya adalah sama sebagaimana kes hudud yang lain kecuali zina. Jumlah saksi kes riddah adalah dua orang saksi lelaki yang adil atau seorang lelaki dan dua orang perempuan atau dengan pembuktian-pembuktian syar'i lainnya seperti pengakuan oleh pelakunya. Apabila telah terbukti seseorang itu murtad, maka ia wajib dihukum bunuh setelah ia menolak untuk bertaubat. Inilah hukum Islam ke atas si murtad dan ia termasuk hududullah yang tidak boleh diganti dengan hukuman lain!

Harta Orang Murtad

Sesorang yang murtad dan sebelum ia bertaubat, maka ia adalah pemilik hartanya dan apa yang ia usahakan. Namun, jika ia diminta kembali kepada Islam dan menolak, maka ia akan dijatuhi hukuman bunuh. Setelah ia mati (dihukum bunuh) maka hartanya akan digunakan untuk menyelesaikan segala hutang-hutangnya (jika ada) serta mengurusi jenazahnya dan memberikan nafkah kepada isterinya dan orang-orang yang berada di bawah tanggungjawabnya. Ini kerana, kesemua hak ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja. Jika hartanya tidak tersisa selepas pembahagian tersebut, maka perkaranya telah berakhir. Namun jika hartanya masih tersisa, maka yang tersisa tersebut adalah termasuk harta fai' dan mesti dimasukkan ke dalam Baitul Mal dan diletakkan bersama dengan harta fai' yang lainnya.

Sekiranya orang yang murtad tersebut berjaya melarikan diri keluar dari Daulah Islam dan bergabung dengan negara kafir harbi (kafir yang memusuhi Islam), maka hartanya akan diletakkan di tempat yang aman (dibekukan) dengan ketetapan dari pemerintah (Khalifah). Daulah Islam akan melakukan usaha agar si murtad tadi bertaubat dan kembali ke pangkuan Islam. Jika usaha ini tidak berhasil (si murtad tetap ingin kekal dalam kemurtadannya), maka dia berhak untuk dibunuh dan akan diperlakukan sebagai orang yang layak untuk dibunuh (diperangi). Dengan demikian, hartanya menjadi harta fai'. Dalilnya adalah sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Abu Bakar terhadap orang-orang yang murtad (golongan riddah) di mana Abu Bakar memerangi golongan yang murtad ini dengan cara menghalalkan darah mereka dan merampas harta benda mereka disebabkan kemurtadan mereka. Harta mereka dijadikan sebagai harta ghanimah. Seluruh sahabat menyetujui tindakan ini. Itulah sebabnya bila penduduk suatu negeri murtad, maka negeri itu menjadi darul harbi dan anak-anak serta wanita-wanita mereka harus ditawan. Bagi Imam/Khalifah, wajib memerangi mereka (murtadin) berdasarkan apa yang pernah dilakukan oleh Abu Bakar ra kerana hal ni telah disepakti oleh para sahabat (ijmak sahabat).

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Demikianlah betapa tegasnya hukuman Allah ke atas orang-orang yang murtad di mana mereka akan dibunuh sekiranya enggan bertaubat. Bagaimanapun, hukuman Allah ini tidak diterapkan oleh pemerintah pada hari ini sehingga timbul cadangan untuk mewujudkan Akta Murtad atau Akta Jenayah Akidah. Usaha untuk menjaga akidah umat Islam ini memanglah wajib, namun ia wajib dijaga dengan pelaksanaan hukum Allah, bukannya dengan membuat undang-undang sendiri di Parlimen ataupun di Dewan Undangan Negeri! Hukum murtad telah pun termaktub jelas dalam Islam dan ia wajib dilaksanakan. Hukum Allah adalah hukum yang wajib dilaksanakan, bukannya untuk digubal, dibahaskan, diundi dan diluluskan di Parlimen!!! Umpama hukum solat dan puasa, keduanya adalah wajib untuk dilaksanakan tanpa memerlukan kelulusan Parlimen, begitulah juga dengan hukum sebat, potong tangan dan bunuh, kesemuanya wajib dilaksanakan dan bukan untuk diluluskan oleh Parlimen! Sesungguhnya ahli-ahli Parlimen langsung tidak mempunyai hak untuk membuat undang-undang Allah. Undang-undang Allah adalah untuk dilaksanakan, bukan untuk digubal atau diluluskan oleh manusia. Siapakah yang memberi hak kepada ahli-ahli Parlimen untuk menjadi pembuat undang-undang menggantikan Allah sebagai Pembuat undang-undang? "Telah nyata kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan-tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatanperbuatan mereka agar mereka kembali (ke jalan yang benar)." [TMQ ar-Rum (30):41].



Tiada hakcipta dalam Islam. Penyalinan semula artikel ini amat dialu-alukan. Semoga usaha anda dapat mengembangkan dakwah Islam dan diredhai Allah SWT. Jika anda ingin bergabung bersama HTM, sila hubungi 03-8922 3149. Sebarang pertanyaan dan komen, sila e-mailkan kepada htm@mykhilafah.com atau layari www.mykhilafah.com